

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANGAN**

Semua barangan hendaklah dalam keadaan selamat.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST)**

- i. Semua tawaran harga (pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender) oleh syarikat hendaklah dikemukakan tanpa kenaan SST;
- ii. Syarikat hendaklah mengisyiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran SST kepada Agensi;
- iii. Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar SST dengan JKDM, Kementerian / Jabatan akan mengeluarkan SST / Pesanan Tempatan / Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaan SST; dan
- iv. Bagi syarikat yang mengisyiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta SST, tetapi menjadi syarikat yang berdaftar SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, syarikat hendaklah:
  - Memaklumkan dengan segera kepada Kementerian / Jabatan berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta SST; dan
  - Syarikat hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan SST.
- v. Pelarasan harga kenaan SST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal atau mana-mana pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal.

### **4. SEBUT HARGA KESELURUHAN**

Sebut harga hendaklah ditawarkan bagi semua bilangan item.

**5. PERKHIDMATAN SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi perkhidmatan setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**6. PENYETUJUAN**

- i. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujuterima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

**7. PEMERIKSAAN**

- i. Kerajaan adalah sentiasa berhak untuk mengetahui kedudukan penghantaran barang-barang itu oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya pada bila-bila masa sebelum dan selepas barang ke destinasi terakhir.
- ii. Penyebut harga hendaklah memberi kerjasama dan kemudahan pemeriksaan apabila dikehendaki.

**8. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa penghantaran perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada ) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atau barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.